

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 23 Mac 2021 2:13 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IPIZ ANJUR PROGRAM ZAKAT DALAM KITAB KUNING



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

23 MAC 2021 / 9 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah & Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

IPIZ ANJUR PROGRAM ZAKAT DALAM KITAB KUNING



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Program IPIZ Talk: Zakat Dalam Kitab Kuning yang disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Syeikh Marwazi Dziyauddin.

Program yang dijalankan secara atas talian melalui Facebook IPIZ itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua masyarakat awam tentang zakat dalam Kitab Kuning serta gambaran keseluruhan tentang kitab-kitab lama mahu pun yang baharu.

“Kitab Kuning merupakan Kitab Warisan, tradisional atau disebut juga dengan istilah Kitab Turath, kitab tua, kitab kuning dan kitab jawi kebiasaan kitab ini menggunakan Bahasa Melayu Lama atau Bahasa Arab klasik.

“Bahasa yang digunakan lebih ilmiah kerana setiap kitab-kitab jawi lama diterjemahkan mengikut kaedah nahu arab yang mana maknanya yang lebih tepat.

“Kebiasaannya kitab ini jarang dibaca di masjid-masjid kerana tahap pendidikan dan pemahaman yang berbeza-beza di antara masyarakat awam dan hanya dibaca di pondok-pondok pengajian yang dikhususkan kepada pelajar,” jelasnya.

Ujarnya, kepentingan Kitab Turath merupakan wasilah dan satu peluang untuk mendekati para ulama kerana kebiasaannya penulis kitab Turath dari kalangan para ulama dan orang-orang soleh selain dapat menimba ilmu dengan cara yang jelas kerana pengajaran kitab Turath kandungannya secara terus dan satu persatu.

“Kitab Turath penting dalam menghalang dan menjauhkan umat Islam dari pandangan-pandangan, teori-teori dan falsafah ilmu moden dan ilmu barat yang bercanggah dengan pegangan Islam.

“Di samping mendapatkan ilmu melalui pembacaan, pembaca juga turut ingin mendekatkan diri dengan pengarang di mana pembaca ingin menyelami isi ayat yang disampaikan oleh pengarang dalam penulisan tersebut, ” ujarnya.

Mengulas berkenaan zakat dalam kitab kuning, beliau mengatakan bahawa pengajian zakat merupakan asas dalam Rukun Islam namun hanya dinyatakan secara ringkas dalam kitab-kitab tertentu.

“Sekiranya ingin menyampaikan ilmu, kita perlu melihat kepada tahap, lapisan serta peringkat masyarakat. Masyarakat awam tidak sama dengan peringkat pengajian, bukan jumlah jemaah yang perlu kita perhatikan tetapi yang lebih penting tahap pemahaman jemaah,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.